

Musa arah RELA kemaskini tadbiran

KUALA LUMPUR, Sabtu

PEMANGKU Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam, mengarahkan Iktan Relawan Rakyat R E L A mengemaskinkan struktur pentadbiran dengan mendaftar semula kesemua 350,000 anggotanya di seluruh negara.

Langkah ini, menurut beliau, adalah untuk memilih anggota-anggota yang berkualiti dan 'membuang' mereka yang hanya inginkan kemudahan tertentu apabila menganggotai perubuhan itu.

Datuk Musa mengakui RELA sebagai pelapis benteng keselamatan telah gagal menjalankan peranannya.

"Atas kegagalan ini, saya mengarahkan supaya langkah memperkemaskinkan organisasi RELA, diadakan. "Sebagai permulaan, anggota-anggota RELA di seluruh negara akan didaftar semula." tegasnya ketika merasmikan Konvensyen RELA SeMalaysia, di Universiti Malaya.

Dalam pendaftaran semula itu, jelas Datuk Musa, setiap permohonan menjadi ahli bukan saja disahkan oleh Ketua Unit RELA kawasan, tapi juga Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan Kampung, sebelum diluluskan oleh Pengarah RELA Daerah.

Pemangku Perdana Menteri sedar, langkah ini memerlukan masa yang lama. "Tapi saya telah mengarahkan Kementerian Dalam Negeri dan Pengarah RELA meneliti ketika menyediakan borang-borang keahlian dan kerja-kerja pendaftaran."

Datuk Musa berkata segala borang pendaftaran itu berasaskan sistem yang lengkap dengan ruangan butiran

asas mengenai diri pemohon.

"Ini perlu kerana pemilihan dan penilaian terhadap anggota-anggota RELA itu boleh disemak semula dan ditapis secara lebih rapi," ujar beliau lagi.

Struktur pentadbiran RELA juga, katanya, akan dikemaskinkan secara menyeluruh dari peringkat atas hingga bawah yang merangkumi RELA pusat, negeri, daerah dan Unit.

Selepas disusun semula, tambah beliau, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Ibupejabat RELA akan berperanan lebih besar, khususnya ketika membuat garis panduan dan keputusan tertentu.

"Ini tidak bermakna pemimpin di peringkat negeri seperti Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan dan Setiausaha Jawatankuasa Kemajuan Negeri 'lepas tangan' dari tugasnya mengenai perjalanan RELA," ujarnya.

Pemimpin-pemimpin di peringkat negeri, terang Datuk Musa, akan terus berperanan seperti biasa, asalkan keputusan-keputusan yang dibuat selaras dengan matlamat RELA dan kepentingan negara.

Beliau berkata, dalam penyusunan semula itu, sistem maklumat akan dikemaskinkan. "Rela sebagai mata dan telinga Kerajaan akan menyampalkan setiap maklumat mengenai keselamatan dan pembangunan

menerusi borang yang lebih tersusun dan komprehensif."

Kementerian berkenaan dan RELA akan meminta kerjasama Jabatan-jabatan dan agensi-agensi Kerajaan melaksanakan sistem maklumat yang baru itu, kata beliau.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

No. Siri 2405
No. Penerimaan 119/85